



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi



<i>Penaung</i>	:	<i>Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah</i>
<i>Penasihat</i>	:	<i>Puan Maznah binti A. Hamid</i>
<i>Pengarang</i>	:	<i>Puan Siti Rozana binti Mat Sanat</i> <i>Encik Mohd Hafiz binti Kasirun</i> <i>Puan Mawar Noor binti Abdullah</i> <i>Encik Idris bin Muhammad</i> <i>Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar</i>
<i>Editor</i>	:	<i>Encik Abdul Razak bin Abu</i> <i>Encik Roslan bin Mohd Nor</i>
<i>Percetakan</i>	:	<i>Puan Norme binti Hj Saleh</i>
<i>Rekaletak/Konsep</i>	:	<i>Encik Mohd Danial bin Daud</i> <i>Saudari Norazra binti Rahmat</i> <i>(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)</i> <i>Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri</i> <i>(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)</i>
<i>Edaran</i>	:	<i>Encik Juharie bin Jemain</i>

AKTIVITI PTDI

Majlis Perpisahan Sazali & Rozi dan Pelajar Praktikal dan Sambutan Hari Lahir Staf PTDI

Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat



Bagi mengenang jasa serta perkhidmatan En. Rozi Anuar bin Abd. Rahim, Pembantu Operasi, yang berpindah ke Unit Pengurusan Kolej dan En. Sazali bin Selamat, Juruteknik Komputer, berpindah ke Kampus Pasir Gudang, pihak pengurusan PTDI telah mengadakan satu majlis perpisahan.

Majlis turut disertakan dengan bacaan tahlil yang diketuai oleh Ustaz Sidek bin Abdullah. Turut diadakan adalah majlis perpisahan pelajar praktikal Saudara Muhammad Fauzan Faiq bin Zainal. Majlis juga meraikan sambutan hari lahir staf PTDI yang lahir pada bulan Januari hingga Mac.

Pemberian cenderahati kepada staf dan pelajar praktikal yang dirai telah disampaikan sendiri oleh Puan Maznah bt. A. Hamid.



Selamat maju jaya diucapkan kepada En. Rozi dan En. Sazali. Teruskan kecemerlangan dan semoga ikatan ukhwah yang terjalin sepanjang berada di PTDI terus bekekalan.

Semoga jumpa lagi.

